

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Budak tiga tahun kes polio terbaru di Sabah

Kota Kinabalu: Seorang budak lelaki berusia tiga tahun bukan warga tempatan dari Sandakan, dikesan menjadi kes terbaru polio di negeri ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kanak-kanak itu dikesan tidak menerima vaksin polio sejak dilahirkan.

"Kanak-kanak terbit tidak pernah menerima vaksin polio sejak lahir dan mengalami gejala lemah kaki kiri pada 18 Januari lalu dan sudah dirawat di hospital. Kanak-kanak terbit kini berada dalam keadaan stabil.

"Kes terbit juga disahkan sebagai polio oleh Makmal Rujukan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Australia pada 5 Mac lalu," katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan setakat ini ada empat kes polio disahkan WHO di Sabah.

"Sehingga Ahad lalu, ada empat kes polio di Sabah yang disahkan oleh makmal WHO di Australia.

"Empat kes polio ini membatinkan seorang bayi tiga bulan dari Tuaran, dua budak berusia tiga dan lapan tahun dari Sandakan dan seorang berusia 11 tahun dari Kinabatangan.

"Hanya satu kes masih dalam rawatan di hospital, iaitu bayi dari Tuaran yang memerlukan alat bantuan pernafasan walaupun berada dalam keadaan stabil.

"Tiga daripada empat kes terbit membatinkan pesakit bukan warga negara yang tidak pernah menerima vaksin polio," katanya.

Dr Noor Hisham turut menjelaskan ketika aktiviti kawalan dan pencegahan polio di lapangan pada 24 Januari lalu, seorang budak perempuan berusia dua tahun (bukan warga negara) di Semporna, dikesan mengalami gejala Acute Flaccid Paralysis (AFP).

Difahamkan kanak-kanak itu mengalami simptom demam pada 10 Januari diikuti dengan lemah kaki hingga tidak dapat berjalan seperti biasa pada 17 Januari lalu, namun tidak dibawa untuk mendapatkan rawatan.

Hasil penelitian panel pakar, kes terbit diklasifikasikan sebagai *polio compatible* berikutan gejala yang dialami adalah mirip kepada polio.

Kanak-kanak terbit tidak pernah menerima vaksin polio sejak lahir.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Penularan COVID-19

12 kes baharu direkod

Seorang lagi pesakit pulih, dibenarkan keluar hospital

Oleh Suzalina Halid dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 12 kes baharu jangkitan COVID-19 direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes positif wabak itu sehingga kini seramai 129 orang.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memaklumkan, kes positif yang direkodkan adalah dalam kalangan Penganan Kes Yang Disyaki (PUJ) jangkitan COVID-19, kontak rapat dan Misi Bantuan Kemanusiaan.

"Seorang pesakit iaitu kes ke-87 bagaimanapun sudah pulih dan dibenarkan keluar daripada hospital menjadikan sehingga kini seramai 25 sudah pulih sepenuhnya," kata kenyataan itu, di sini.

Maklumat itu dibentangkan KKM kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, melalui taklimat mengenai status semasa wabak COVID-19 yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Terdahulu, Muhyiddin melawat Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan sebelum mempengerusikan satu mesyuarat koordinasi bagi membincangkan situasi semasa COVID-19.

Pada masa sama, Pejabat Perdana Menteri berkata, kerajaan kini sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga dan mempunyai kaedah tertentu untuk me-



Muhyiddin mempengerusikan mesyuarat koordinasi COVID-19 ketika melawat melawat Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

nangani situasi ini sekiranya COVID-19 menjadi lebih serius termasuk menjalin kerjasama dengan pihak swasta bagi menangani situasi COVID-19 ini.

"Kerajaan akan terus meningkatkan kapasiti sedia ada di pelbagai kementerian dan agensi sebagai persediaan menghadapi kemungkinan situasi kejadian COVID-19 yang lebih meruncing termasuk meningkatkan aspek sumber manusia, kemudahan makmal, klinik kesihatan dan hospital," katanya.

Selain itu, Pejabat Perdana Menteri berkata, semua rakyat diminta tidak menyebarkan berita palsu atau maklumat tidak sahih mengenai penularan COVID-19 kerana ia boleh menyebabkan kebingungan dan kekeliruan dalam kalangan rakyat.

Katanya, rakyat Malaysia yang mempunyai simptom dinasihatkan tidak mengunjungi tempat yang padat dengan orang ramai,

sekali gus menjarakkan diri sekurang-kurangnya satu meter apabila berhadapan dengan individu lain.

"Begitu juga rakyat Malaysia adalah diingatkan untuk menjaga kesihatan dengan mengamalkan langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan dengan cecair pembasmi kuman, amalkan etika batuk dan segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit," katanya.

Pejabat Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada semua jentera dan anggota kerja Perkhidmatan Awam dan juga swasta yang terbit secara langsung dan secara tidak langsung dalam menangani kejadian COVID-19 di negara ini.

Sementara itu di Putrajaya, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, menasihatkan orang ramai melakukan 'penjarakan sosial' serta menghindari kawasan tumpuan.

Beliau berkata, masyarakat perlu menjaga jarak di antara individu lain sekurang-kurangnya satu meter kerana itu adalah jarak selamat dari penularan wabak berkenaan.

"Kita cadangkan 'penjarakan sosial' itu, selain itu kita juga ingin nasihatkan mereka ini (masyarakat) untuk menghindari dari berada di tempat ramai orang serta mengurangkan menyertai perhimpunan yang ada.

"Ia secara tidak langsung akan menambah baik keadaan daripada terjadinya penularan," katanya kepada pemberita ketika lawatan kerja pertamanya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas lima jam dilantik sebagai Menteri Kesihatan, di sini semalam.

Mengenai lawatannya ke KLIA, Dr Adham berkata, 150 pegawai kesihatan ditempatkan di lapangan terbang berkenaan bagi kerja pemantauan secara 24 jam.

HSB khusus rawat penyakit berjangkit

Putrajaya: Susulan penularan jangkitan COVID-19 di dalam negara, Hospital Sungai Buloh (HSB), di Selangor akan dijadikan hospital khusus bagi merawat penyakit berjangkit.

Pakar Perunding Penyakit Berjangkit HSB, Dr Suresh Kumar Chidambaram, berkata langkah itu bagi memastikan kemudahan dan persiapan yang diperlukan lengkap untuk menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan.

"Kami maklum sesetengah hospital berhadapan masalah katil tetapi pengalaman di Sungai Buloh, kami sudah menyelesaikan pengurusan katil, tiada masalah kekurangan katil untuk pesakit COVID-19 di hospital ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi libat urus antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dipengerusikan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan pengamal media, di Kementerian Kesihatan di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon dan Pakar Kesihatan Awam, Dr Wan Noraini Wan Mohamed Nor.

Dr Suresh Kumar berkata, ketika ini tingkat empat dan lima hospital itu dikhususkan untuk pesakit COVID-19, masing-masing dengan 112 katil, sementara tingkat tiga pula dengan 14 katil

unit rawatan rapi (ICU) akan diikhaskan kepada mangsa yang serius dan memerlukan bekalan oksigen serta rawatan rapi.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, jabatan sedia ada di dua tingkat yang dikosongkan itu dipindahkan ke fasiliti perubatan berhampiran supaya HSB boleh memberi tumpuan kepada pesakit berjangkit seperti kes COVID-19.

Ditanya mengenai kemungkinan kedudukan HSB sebagai hospital khusus untuk penyakit berjangkit hanya sementara COVID-19 berakhir, beliau berkata terdapat permintaan untuk mewujudkan sebuah hospital untuk pesakit berjangkit yang kekal.

"Selain HSB sebagai pusat perubatan yang dikhususkan me-

rawat kes COVID-19, Hospital Shah Alam dan Hospital Rehabilitasi Cheras, turut memainkan peranan sama," katanya.

Dalam majlis yang sama Dr Chong, berkata virus COVID-19 disebarkan melalui titisan kecil bukannya menerusi udara dan ia boleh merebak dalam persekitaran berhawa dingin yang tertutup berbanding di bawah sinar matahari kerana suhu tinggi mampu membunuh virus berkenaan.

"Apabila titisan kecil jatuh ke atas lantai, ia mati apabila kering tetapi jika anda batuk pada tangan, ia boleh menjadi pembawa jangkitan. Justeru, jangan gosok muka atau mata dengan tangan dan selalu membasuh tangan," katanya. BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Hospital khusus rawat Covid-19

Putrajaya: Susulan penularan jangkitan Covid-19 di dalam negara, Hospital Sungai Buloh di Selangor akan dijadikan hospital khusus bagi merawat penyakit berjangkit itu dengan kemudahan 238 katil.

Pakar Perunding Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh Dr Suresh Kumar Chidambaram berkata, langkah itu bagi memastikan kemudahan dan persiapan yang diperlukan lengkap untuk menghadapi sebarang kemungkinan di masa hadapan.

"Kami maklum hospital-hospital berhadapan masalah katil tetapi pengalaman di Sungai Buloh, kami sudah menyelesaikan pengurusan katil, tiada masalah kekurangan katil untuk pesakit Covid-19 di hospital ini," katanya berhubung pengurusan perubatan dan persediaan negara.

Perkara itu dijelaskan beliau pada sesi libat urus antara Kementerian Kesihatan yang dipengerusikan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan pengamal media di Kementerian Kesihatan di sini, semalam.



PEMAKAIAN topeng muka oleh orang ramai dilihat sudah menjadi kebiasaan sebagai langkah pencegahan penularan wabak.

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 12 kes baharu Covid-19 dilaporkan sehingga 12 tengah hari semalam menjadikan jumlah kumulatif mangsa positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 129 kes.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba (*gambar*) berkata, terdapat peningkatan jumlah positif Covid-19 berbanding 117 kes dilaporkan kelmarin.

Menurutnya, pihak Ke-

menterian Kesihatan Malaysia (KKM) terus berusaha mengesan kontak positif bagi mengawal wabak ini dari terus merebak.

"Kes-kes positif terbaru ini adalah dalam kalangan Patient Under Investigation (PUI) jangkitan Covid-19, kontak rapat dan Misi Bantuan Kemanusiaan. Seorang mangsa membabitkan kes ke-87 pulih dan dibenarkan keluar dari hospital.

"Ini menjadikan sebanyak 25 pesakit Covid-19 pulih sepenuhnya," katanya selepas melakukan tugas pertama dengan melawat Lapa-



ngan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) petang semalam.

Beliau turut memaklumkan seramai 150 petugas

berkerja 24 jam di KLIA bagi mengawal kemasukan atau penyebaran wabak Covid-19.

"Mereka bertugas bergilir-gilir sepanjang masa. Malah, pemeriksaan rapi di lapangan turut dilakukan di pintu sempadan, jalan darat dan pelabuhan bagi menghalang Covid-19 dari merebak," katanya.

Kelmarin Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan sebanyak 18 kes baharu Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 117 kes.

PM diberi taklimat

Putrajaya: Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengadakan lawatan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) di Kementerian Kesihatan (KKM) di sini, semalam, bagi mendapatkan maklumat berhubung perkembangan terkini wabak Covid-19.

Ketibaan Muhyiddin pada jam 9.55 pagi disambut Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan pegawai KKM.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Perdana Menteri diberi taklimat oleh Dr Noor Hisham berhubung pengoperasian CPRC, antara lain memaparkan data terkini kes Covid-19 di Malaysia serta seluruh dunia dan pusat talian hotline CPRC.

Muhyiddin kemudian mempengerusikan mesyuarat yang turut dihadiri Dr Noor Hisham, Timbalan Ketua Pengarah (Kawalan) Jabatan Imigresen Datuk Abdul Halim Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Dr Noor Zari Hamat serta wakil Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan Wisma Putra.

Sehingga kelmarin, jumlah kumulatif positif Covid-19 di Malaysia adalah 117 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 19
 RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

SINAR HARIAN • RABU 11 MAC 2020

19

ANCAMAN COVID-19

PM nasihat amal kebersihan diri

Pesakit bergejala Covid-19 dinasihatkan menjarakkan diri satu meter daripada orang lain

SHAH ALAM

Rakyat Malaysia yang bergejala wabak koronavirus (Covid-19) dinasihatkan agar tidak mengunjungi tempat-tempat yang padat dengan orang ramai dan menjarakkan diri sekurang-kurangnya satu meter apabila berhadapan dengan individu lain.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, rakyat Malaysia diingatkan supaya menjaga kesihatan diri, keluarga dan masyarakat dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan.

Menurutnya, rakyat juga perlu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan.

"Sentiasa mengamalkan etika batuk yang baik iaitu menutup mulut dan hidung dengan tisu dan membasuh tangan dengan serta-merta.

"Segera dapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami ge-

jala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas) dalam tempoh 14 hari selepas pulang daripada lawatan ke negara-negara yang terjejas.

"Maklumkan mengenai sejarah perjalanan dari negara yang terlibat kepada doktor yang merawat," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri di sini semalam.

Muhyiddin pada sebelah pagi telah melawat Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Putrajaya bagi mendapatkan maklumat berhubung perkembangan terkini jangkitan Covid-19.

Ketibaan Muhyiddin disambut oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan pegawai KKM.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Selepas lawatan tersebut, Perdana Menteri telah mempengerusikan satu mesyuarat koordinasi bagi membincangkan situasi semasa Covid-19 di Malaysia.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, kerajaan Malaysia sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga dan mempunyai kaedah-kaedah untuk menangani situasi tersebut sekiranya Covid-19 menjadi lebih serius.

"Kerajaan akan terus mempertingkatkan kapasiti sedia ada di pelbagai kementerian dan agensi sebagai persediaan meng-

hadapi kemungkinan situasi kejadian Covid-19 yang lebih meruncing.

"Ia termasuk meningkatkan aspek sumber manusia, kemudahan makmal, klinik kesihatan dan hospital bagi merawat kes Covid-19. Kerajaan juga dalam perancangan untuk menjadikan Hospital Sungai Buloh sebagai hospital khusus untuk merawat kes Covid-19," katanya.

Mengenai perkembangan terkini Co-

vid-19, terdapat 12 kes baharu jangkitan yang dilaporkan ke CPRC semalam menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 129 kes.

"Kes positif ini dalam kalangan *Patient Under Investigation* (PUI) jangkitan Covid-19, kontak rapat dan Misi Bantuan kemanusiaan. Seorang kes iaitu kes ke-87 telah pulih dan discaj daripada hospital," katanya.



Muhyiddin diberi penerangan cara penggunaan pencuci tangan yang betul sejurus tiba di Kementerian Kesihatan, Putrajaya bagi mengadakan lawatan ke CPRC semalam.

Terengganu sedia gerakan pasukan perubatan

KUALA TERENGGANU - Terengganu sedia menggerakkan pasukan perubatan ke lokasi terlibat penularan wabak koronavirus (Covid-19) sekiranya memerlukan.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr Nor Azimi Yunus berkata, ia berdasarkan situasi semasa wabak itu di Malaysia yang menunjukkan trend peningkatan.

"Di Terengganu setakat ini masih belum ada kes (positif) Covid-19, hanya melibatkan kes *Patient Under Investigation* (PUI).

"Tetapi di negeri lain terdapat kes positif yang memerlukan rawatan khusus. Sekiranya berlaku limpahan pesakit

di mana-mana hospital, kita sedia menghantar sama ada doktor, jururawat atau pegawai perubatan untuk membantu," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri program derma darah sempena sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri di sini semalam.

Sementara itu, katanya, orang ramai tidak perlu kluatir dengan status darah yang terkumpul hasil derma daripada orang awam susulan penularan Covid-19.

Menurutnya, penderma perlu melalui proses saringan yang ketat sebelum dibenarkan untuk menjalani proses derma darah.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NEGERI / JOHOR

Kawalan pencegahan Covid-19 di sebuah sekolah prosedur biasa

JOHOR BAHRU - Langkah mengadakan kawalan dan pencegahan penularan jangkitan koronavirus (Covid-19) di sebuah sekolah rendah di sini pada Jumaat lepas hanyalah prosedur rutin, kata Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ), Dr Aman Rabu.

Beliau berkata, prosedur itu dilakukan bagi mengesan kontak rapat kes selain hanya meletakkan mereka yang berkemungkinan terlibat di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah.

“Jabatan akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya.

“Dengan itu, masyarakat setempat tidak perlu panik dengan penularan mesej dalam media sosial,” katanya dalam kenyataan yang dimuat naik di Facebook JKNJ semalam.

Beliau mengulas mengenai kes Covid-19 yang kononnya melibatkan pelajar sebuah sekolah kebangsaan di sini dalam satu hantaran netizen di Facebook.

“Jabatan ingin menegaskan bahawa tindakan kawalan dan pencegahan sedang giat dijalankan di seluruh negeri bagi memastikan keadaan terkawal,” kata Dr Aman.

- *Bername*

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

Tackle rising healthcare costs and Covid-19, minister urged

By CLARISSA CHUNG
clarissachung@thestar.com.my

PETALING JAYA: Health groups have made clear that the new minister must deal with urgent issues such as rising healthcare costs and the Covid-19 outbreak.

"The handling of the Covid-19 situation, the issues of contract officers and the welfare of healthcare workers are urgent areas that will need to be addressed," said Malaysian Medical Association (MMA) president Dr N. Ganabaskaran.

"It is also hoped that the Health

Ministry under the new leadership will look into more allocation of funds for public healthcare and the sustainability of our nation's healthcare," he said in a statement yesterday.

The newly appointed Health Minister is Datuk Seri Dr Adham Baba, while his two deputies are Datuk Dr Noor Azmi Ghazali and Datuk Aaron Ago Dagang.

Ganabaskaran said the appointment of two deputy ministers showed that the ministry was viewed as a priority.

He noted that both Dr Adham and

Dr Noor Azmi were trained doctors who had served in the country's healthcare system.

"We believe this will be a plus point and beneficial in policy-making of our nation's healthcare," he said.

Ganabaskaran said that the rising cost of healthcare for serious illnesses remained a concern among the people, and policies such as the smoking ban at restaurants should be continued.

Fonca chief executive officer Datuk Paul Selvaraj said the new appointees would have to tackle

significant issues.

"For one, there is the Covid-19 outbreak," he said, citing also a need to focus on increasing the budget for public healthcare.

"They have to concentrate on making public healthcare more accessible and affordable," he said.

He said that at the end of the day, it was the delivery of good healthcare services that counts.

Breast Cancer Welfare Association president Ranjit Kaur hoped that the newly appointed minister and deputies would carry out their duty to the people, especially in terms of

cancer care.

"We need them to overcome the shortage of specialists in cancer care. The government can buy cancer services from private hospitals.

"Every state should have resident cancer care specialists in hospitals where surgery for cancer is done and they should work as a team," she said.

She said the government should look into reducing waiting time and to cease charging higher consultation fees for patients referred to government hospitals from private hospitals.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEWS/NATION

12 NEW COVID-19 CASES RECORDED

Sg Buloh Hospital may be turned into specialised hospital if a pandemic is declared, says PMO

KALBANA PERIMBANAYAGAM
KUALA LUMPUR
kalbana@nst.com.my

THE number of Covid-19 cases in the country has now reached 129 after the first confirmed case was discovered on Jan 25.

Yesterday, another 12 Covid-19 cases were referred to Sungai Buloh Hospital to be treated in its isolation ward.

The 129 cases include patients under investigation, close contacts who tested positive for Covid-19 and those who participated in humanitarian aid missions.

One case, Patient 87, has been discharged from hospital, bringing the total number of people who have recovered from the virus to 25.

Following the possibility that Covid-19 would be declared a pandemic, the government said



Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin chairing a meeting on Covid-19 at the National Centre for Crisis Preparedness and Response at the Health Ministry, Putrajaya, yesterday. BERNAMA PIC

that it was prepared for the eventuality.

The Prime Minister's Office said following this possibility, the government was planning to make Sungai Buloh Hospital a

specialised hospital to treat Covid-19 cases.

It said the government was on the alert and had the means to address the Covid-19 situation in the country.

"The government will continue to boost its capacities available in various ministries and preparation for the possibility of more serious Covid-19 incidents.

"These include boosting as-

pects of human resources, laboratory facilities, health clinics and hospitals for treating Covid-19 cases."

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday visited the National Centre for Crisis Preparedness and Response (CPRC) at the Health Ministry for a briefing on the current status of the outbreak.

He was accompanied by Chief Secretary to the Government Datuk Seri Mohd Zuki Ali and heads of agencies.

He arrived at 9.55am and was received by Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah and senior officials from the ministry.

Dr Noor Hisham briefed Muhyiddin on CPRC operations, Covid-19 latest data, both domestic and abroad, as well as CPRC hotline centres.

Later, Muhyiddin chaired a meeting together with Dr Noor Hisham, Immigration Department deputy director-general (control) Datuk Abdul Halim Abdul Rahman, Tourism, Arts and Culture Ministry secretary-general Datuk Dr Noor Zari Hamat and representatives from the National Disaster Management Agency and Wisma Putra.

➤ See also Pages 26 and 27

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Measures to curb spread of Covid-19 virus ongoing nationwide

JOHOR BARU: Measures to prevent the spread of Covid-19 have been ongoing nationwide.

A routine check was conducted at a primary school last Friday said Johor Health director Dr Aman Rabu.

He said the procedure was carried out to detect contact history of a suspected case instead of just putting the possible suspect under supervision and observation at home.

"The department will continue to monitor any incidence of the infection in the state and take appropriate action. Thus, the local community need not panic over the messages spread on social media," he said in a statement posted on the state Health Department's Facebook yesterday.

Aman was commenting on an alleged Covid-19 case said to involve a student of a national school there, which was posted by a netizen on Facebook.

"The department emphasises that prevention and control measures are being taken throughout the state to ensure the situation is under control," said Aman.

Meanwhile in SEREMBAN, the Seremban City Carnival 2020, scheduled for this Friday and Saturday, has been postponed. Alternative dates have not been set yet. The carnival was in conjunction with Seremban receiving city status on Jan 1.

Seremban City Council secretary Mas Midyawan Yahya said the postponement was merely a precautionary step in view of rising fears of the spread of Covid-19.

– Bernama